

Headline	Arab Saudi mampu jaga keselamatan jemaah haji Johan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,281
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,843



Arab Saudi mampu jaga keselamatan jemaah haji - Johan

KUALA LUMPUR 17 Julai - Lemba baga Tabung Haji (Tabung Haji) memberi kepercayaan penuh kepada kerajaan Arab Saudi untuk merangka sebarang bentuk langkah pencegahan bagi menjaga keselamatan jemaah haji daripada serangan kumpulan pengganas.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah berkata, langkah-langkah keselamatan yang diambil Arab Saudi selama ini ternyata berkesan selepas berjaya menangkis sebarang bentuk ancaman daripada berlaku pada musim haji.

Beliau berharap jemaah haji Malaysia akur di atas apa juga nasihat keselamatan yang diluarkan oleh penguasa demi me-



JOHAN ABDULLAH

mastikan urusan haji berjalan dengan lancar.

"Kerajaan Arab Saudi amat prihatin dalam aspek keselamatan jemaah haji dan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam berdepan pelbagai kemungkinan seperti ancaman letupan bom.

"Kami sentiasa berhubung dengan Kementerian Haji dan pihak berkuasa Arab Saudi dalam mendapatkan maklumat terkini tentang keadaan persekitaran dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas ditemui dalam Majlis Kursus Perdana Haji Musim 1437H/2016 Peringkat Wilayah Persekutuan di sini semalam. Majlis dirasmikan oleh Ahli Dewan Negara, Datuk Seri Khairu-

din Samad.

Kursus tersebut dijalankan selama dua hari bermula hari ini dihadiri seramai 1,400 bakal haji dari Wilayah Persekutuan.

Mengulas lanjut, Johan berkata, Tabung Haji menghantar 600 petugas pada tahun ini dengan 250 daripada mereka merupakan pegawai perubatan bagi menjaga kebijakan jemaah haji Malaysia.

Katanya, kesemua petugas berkenaan berpengalaman dan diharap jemaah haji mengikut arahan mereka demi kebaikan bersama.

"Saya harap jemaah kita tumpukan perhatian pada ibadah janggan ikut serta dalam sebarang bentuk rusuhan atau perhimpunan.

"Kumpulan pertama jemaah haji Malaysia akan bergerak ke Arab Saudi pada 4 Ogos ini melibatkan seramai 489 jemaah," ujarnya.